SAMPEL PERCUMA

# Soalan Penulisan Bahasa Melayu Tahun 6 + Contoh Karangan

## Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 6

**Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:**

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

# RM9.90

**BELI SET PENUH RM9.90 >**

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

**BAHAGIAN B**
[15 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 25 *minit*]

*Petikan di bawah berkaitan dengan Hari Kokurikulum Sekolah Kebangsaan Seri Hartamas.*

*Tulis ulasan tentang* **kebaikan menyertai aktiviti kokurikulum** *dalam bentuk perenggan.*

*Panjangnya ulasan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

Aktiviti kokurikulum ialah kegiatan yang dijalankan diluar bilik darjah.Kegiatan ini termasuklah kegiatan sukan dan permainan, pertubuhan pakaian seragam dan kelab atau persatuan.

Menyertai aktiviti kokurikulum dapat mengisi masa lapang pelajar dengan perkara yang berfaedah. Masa lapang perlu diisi dengan kegiatan yang berfaedah supaya masa tersebut tidak terbuang begitu sahaja.

Dengan menyertai aktiviti kokurikulum juga pelajar dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman. Pengetahuan ini penting kepada pelajar supaya mereka dapat menjalani kehidupan pada masa hadapan dengan sempurna.

Aktiviti kokurikulum juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Semasa aktiviti ini, pelajar akan mengamalkan sikap tolong-menolong dan saling membantu. Amalan murni ini akan mendidik pelajar menjadi seorang yang berhemah dan berbudi pekerti mulia.

Penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga akan membolehkan pelajar menambah kenalan. Mempunyai kenalan yang ramai membolehkan pelajar bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman.

[Lihat halaman sebelah

**BAHAGIAN C**
[25 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 35 *minit*]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab* **satu soalan** *sahaja.*

*Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

**Soalan 1**

Terima kasih padamu, cikgu
Jasamu akan kukenang selalu
Tak pernah lelah tunjuk ajarku
Terima kasih kepadamu, cikgu
Terima kasih, cikgu

Kaulah pelita hidup bagi kami semua
Menuju jalan ke arah yang benar
Penuh ikhlas dan tulus membimbing dan mengajar
Untuk memastikan kami berjaya

Dua rangkap lirik lagu di atas merupakan sebahagian daripada lagu "Terima Kasih, Cikgu" yang dinyanyikan oleh Najwa Latif. Lirik tersebut menceritakan tentang pengorbanan seorang guru.

Berdasarkan lirik lagu tersebut, tulis cerita tentang jasa dan pengorbanan seorang guru terhadap diri kamu atau anak muridnya pada suatu ketika dahulu.

**ATAU**

**Soalan 2**

Persatuan Sains sekolah kamu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pulau Langkawi. Tuliskan laporan mengenainya.

Tulis laporan kamu itu selengkapnya.

[Lihat halaman sebelah

## SKEMA JAWAPAN

### BAHAGIAN A

1. Seorang kanak-kanak lelaki sedang melihat permainan yang dijual di pasar tani.

2. Seorang penjual ikan sedang melayan pelanggannya yang ingin membeli dua ekor ikan.

3. Seorang ibu sedang memimpin tangan anak perempuannya sambil mencari barang keperluan dapur.

4. Seorang wanita sedang memilih sayur-sayuran sambil berbual-bual dengan peniaga pasar tani.

5. Seorang peniaga sedang menyusun minuman yang dijual di atas meja jualan untuk menarik perhatian pelanggan.

### BAHAGIAN B

Aktiviti kokurikulum ialah aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah. Menyertai aktiviti kokurikulum dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah supaya masa tidak terbuang begitu sahaja. Pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan menyertai aktiviti kokurikulum. Di samping itu, dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Dengan menyertai aktiviti kokurikulum juga, pelajar dapat menambah kenalan yang dapat membantu pelajar bertukar pengalaman dan fikiran.

[Lihat halaman sebelah

**BAHAGIAN C**

**Soalan 1**

Hati kecilku menangis sendirian. Perutku semakin memulas-mulas, aku amat lapar sekali pada pagi itu. Tatkala itu, rakan-rakanku yang lain enak menikmati pelbagai juadah seperti nasi lemak, mi udang dan kuih muih di kantin sekolah. Aku berpeluang menjamah makanan pada waktu rehat nanti melalui program Rancangan Makanan Tambahan (RMT). "Lama lagi aku terpaksa berlapar," bisik hati kecilku.

Tiba-tiba bahuku disentuh. "Aidill, mengapa kamu tidak makan?" Tanya Fairus dengan suara yang lembut. "Saya…saya kenyang," tergagap-gagap aku menjawabnya. Tiba-tiba Fairus memelukku. Keadaan tubuhku yang lemah dan kurus itu menjawab segala persoalan Fairus itu.

Tanpa berlengah Fairus segera memimpin tanganku menuju ke kaunter nasi lemak di kantin sekolah. Dia terus membelikan sepinggan nasi lemak dan segelas air sirap untukku. Aku dan Fairus makan Bersama-sama. Alhamdulillah. Syukur, terubatlah perutku yang pedih ini.

Beberapa minit kemudian, Cikgu Ridzuan, ayah Fairus mendekati kami berdua. Beliau telah meluahkan hasratnya untuk menangani masalah yang aku dan keluarga hadapi. Beliau berjanji untuk menolong dan membantu aku. Rupa-rupanya Cikgu Ridzuan telah lama memantau kedaifan yang keluargaku alami.

Pada petang itu juga, Cikgu Ridzuan dan Fairus berkunjung ke teratak kami. Beliau membawa bersama-sama borang bantuan untuk ditandatangani oleh ayahku. Kami sekeluarga sungguh terharu sekali atas keprihatinan Cikgu Ridzuan melaksanakan khidmat sosial dan kerja amal membantu golongan miskin.

Kini, aku dan Fairus sudah berada di menara gading. Tahun ini juga merupakan tahun akhir pengajian kami. Tahun hadapan aku dan Fairus akan bergelar jurutera. Namun demikian, segala jasa, budi baik dan tunjuk ajar Cikgu Ridzuan masih segar dalam memoriku. "Terima Kasih, Cikgu".

**Soalan 2**

**Laporan Lawatan Sambil Belajar Ke Pulau Langkawi**

Pada 27 April 2021, Persatuan Sains Sekolah Kebangsaan Alam Damai telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pulau Langkawi. Lawatan ini berlangsung selama 4 hari 3 malam. Seramai 35 orang murid dan 5 orang guru telah menyertai lawatan ini.

Rombongan telah tiba di jeti Kuala Perlis jam 9:00 pagi. Kami menaiki feri. Kami sampai di hotel Hilton tepat jam 12:00 tengah hari. Pihak hotel telah menyambut kehadiran kami dengan tangan terbuka. Jamuan tengah hari telah disediakan oleh pihak hotel.

Pada hari kedua, kami telah menaiki bas persiaran melawat tempat-tempat menarik dan bersejarah. Tempat tersebut ialah Makam Mahsuri, Beras Terbakar, Telaga Tujuh, Akuarium, Tasik Dayang Bunting, Taman Buaya dan Pantai Rhu. Pada lewat petang barulah kami pulang ke hotel.

Pada sebelah malamnya, kami menikmati makan malam secara buffet. Pelbagai jenis makanan laut disediakan oleh pihak hotel. Antaranya sotong bakar, ikan siakap, udang dan lain-lain lagi. Rasanya sunguh sedap dan lazat.

Lawatan hari ketiga lebih menarik lagi. Kami berpeluang menaiki kereta kabel ke puncak gunung. Pemandangannya cukup menarik. Seterusnya kami dapat menyelam untuk menikmati keindahan hidupan laut di dasar laut. Pengalaman ini sangat beharga dan akan dijadikan kenangan dalam hidup kami.

Pada hari terakhir, kami pergi membeli-belah di kedai bebas cukai. Sebelum bertolak pulang, kami telah bergambar kenangan di Dataran Helang. Kami tiba di sekolah dengan gembira. Walaupun keletihan, namun kepuasan jelas terbayang pada wajah ahli Persatuan Sains sekolah kami.

Laporan disediakan oleh, 2 Mei 2021

*Syima*

(NAZATUL SYIMA BINTI ABIDIN)
Setiausaha,
Persatuan Sains,
Sekolah Kebangsaan Alam Damai

[Lihat halaman sebelah

TAMAT SAMPEL

# Suka sampel ini?

## Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 6

**Sampel ini: 5 muka surat. Set penuh ada:**

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

# RM9.90

**BELI SET PENUH RM9.90 >**

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar